

BERITA HARIAN, RABU, 23 SEPTEMBER, 1981

Timbalan PM-2: Umno anggap sudah tutup

KUALA LUMPUR, Selasa — UMNO menganggap isu meminta perliantikan seorang lagi Timbalan Perdana Menteri sebagai tutup berikutan kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengekalkan status quo dasar-dasar kerajaan.

Setiausaha Agungnya, Datuk Mustafa Jabbar memberitahu hari ini, kenyataan Perdana Menteri adalah jelas dan mendapat sokongan rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir semasa merasmikan Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini berkata, beliau sedar tentang tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kaum-kaum dan parti-parti dalam Malaysia yang sebahagialannya adalah keterlaluan.

Perdana Menteri memberi jaminan akan bersikap sederhana

tetapi tegas dan terpaksa menolak tuntutan dari mana-mana pihak yang tidak mungkin diterima langsung oleh pihak lain.

Datuk Mustafa berharap semua pihak memahami dan menghayati kenyataan Perdana Menteri dan tidak lagi menimbulkan perkara yang dianggap telah tutup.

"Saya tidak mahu jadi seperti budak-budak dan berharap semua pihak tidak lagi menghidupkan isu-isu yang boleh membawa kepada keretakan hubungan baik Barisan Nasional," tegas beliau.

Bellau mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang menyebut Pemuda MCA akan menemu Datuk Seri Dr. Mahathir untuk membincangkan soal mewujudkan satu lagi jawatan Timbalan Perdana Menteri yang akan dipenuhi oleh wakil MCA. — Bernama.